



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2016



© Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 2017
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan LPPKN
Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016
ISBN 978-967-2079-02-6



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
12B, Bangunan LPPKN,
Jalan Raja Laut,
Peti Surat 10416,
50712 Kuala Lumpur

+603 2613 7555

+603 2698 8185

www.lppkn.gov.my

penduduk@lppkn.gov.my

www.facebook.com/lppkn

www.twitter.com/LPPKN

Kandungan

Kandungan	i
Prakata	ii
Penghargaan	vi
Kumpulan Penyelidik	1
Pengenalan	2
Kesejahteraan Keluarga	2
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia	4
Kepentingan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia	5
Domain dan Indikator Kesejahteraan Keluarga	6
Metodologi	14
Reka Bentuk Kajian	14
Rangka Pensampelan	14
Reka Bentuk Pensampelan dan Saiz Sampel	14
Responden	14
Kaedah Pengumpulan Data	15
Limitasi	15
Kaedah Pengiraan Indeks	15
Kategori Skor Indikator, Domain dan Indeks	16
Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016	16
Skor Keseluruhan Indeks, Domain dan Indikator	16
Skor Indeks, Domain dan Indikator Mengikut Ciri-ciri Keluarga	20
Skor IKK 2016 Mengikut Negeri	31
Lain-lain Penemuan	60
Kesimpulan	61
Cadangan	62
Rujukan	64
Lampiran	65
Taburan Tempat Kediaman yang Terlibat	65
Profil Sampel Kajian IKK 2016	66
Senarai Domain dan Indikator IKK 2016	67

Prakata

“Menyedari kepentingan institusi keluarga dalam pembangunan negara, kesejahteraan keluarga perlu diukur untuk menilai kemajuan pembangunan sesebuah keluarga. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengukur kesejahteraan keluarga di negara ini melalui pembinaan Indeks Kesejahteraan Keluarga menerusi pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2016 (IKK 2016). Adalah diharapkan agar IKK 2016 dapat dijadikan sebagai panduan dan input penting kepada semua pihak dalam merangka inisiatif, strategi dan program yang lebih berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga di Malaysia.”



Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi
*Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

“Diharapkan laporan ini dapat dijadikan rujukan penting kepada semua pihak dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar serta program yang khusus untuk kesejahteraan keluarga dan rakyat di negara ini selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.”

“Secara keseluruhannya, nilai skor IKK 2016 adalah 7.33 daripada skala maksimum 10. Daripada lapan domain yang telah dibangunkan dalam IKK 2016, domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi diikuti dengan domain Keselamatan Keluarga, domain Hubungan Kekeluargaan, domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti, domain Kesihatan Keluarga, domain Ekonomi Keluarga. Manakala bagi domain Perumahan dan Persekitaran dan domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi, skor yang dicatatkan adalah rendah. Walau bagaimanapun, kedua-dua domain ini masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan tahap kesejahteraan.”



Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail
Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan
Pembangunan Keluarga Negara



Dr. Anjali Doshi Gandhi
Pegarah Projek
Indeks Kesejahteraan Keluarga
Malaysia 2016

“Indeks ini merupakan indeks kedua yang dihasilkan sejak tahun 2011. Seiring dengan perubahan dan cabaran keluarga masa kini, indeks yang dibangunkan perlu mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan keluarga. Justeru, IKK 2016 telah dibangunkan mengikut keperluan semasa melalui penambahan domain dan pemurnian indikator. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak kementerian, agensi dan jabatan, UKM Pakar Runding serta semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan penghasilan IKK 2016.”

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada kementerian, jabatan dan agensi yang berikut:



serta kepada individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penghasilan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016.

Kumpulan Penyelidik



PENASIHAT

Projek

Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail

PENGARAH

Projek

Dr. Anjli Doshi Gandhi

KETUA

Projek

Adzmel Mahmud



Pasukan

LPPKN

- Irwan Nadzif Mahpul
- Ismahalil Ishak
- Nur Airena Aireen Azman
- Najihah Ismail
- Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim

Pasukan

PERUNDING UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- Prof. Madya Dr. Nor Ba'yah Abdul Kadir
- Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman
- Prof. Madya Dr. Fatimah Omar

URUS SETIA

- Sektor Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

Pengenalan

Kesejahteraan Keluarga

Menurut Orem (1985), kesejahteraan adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan persepsi individu terhadap kehidupan mereka. Kesejahteraan merujuk kepada integrasi fizikal, sosial, mental, emosi, kerohanian dan ciri sosial. Sesetengah penyelidik sains sosial pula menerangkan konsep kesejahteraan sebagai konstruk dalaman yang mungkin terpisah daripada keadaan luaran (Hartweg, 1990; Orem, 1985) misalnya sama ada individu itu sihat atau sakit, kesejahteraan tetap boleh dicapai.

Kesejahteraan juga boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan harmoni dalam setiap kehidupan. Ia merupakan keadaan yang dicirikan melalui pengalaman kebahagiaan, keseronokan, kerohanian dan kegembiraan (Orem, 1985). Manakala, Lucas dan Diener (2008) pula merujuk kesejahteraan sebagai penilaian individu terhadap kualiti kehidupan mereka yang merangkumi aspek afektif dan kognitif.

- LPPKN (2011) mendefinisikan
- kesejahteraan keluarga sebagai keadaan
- keluarga dalam sesebuah negara yang
- berada dalam keadaan selamat, sihat,
- aman, selesa, harmoni dan memuaskan.
- Definisi ini meliputi pelbagai aspek,
- kepuasan dan keselesaan seperti
- rohani, ekonomi dan kewangan, mental,
- psikososial, kesihatan, politik dan
- kelestarian. Kesejahteraan keluarga
- adalah sinonim dengan kebahagiaan
- keluarga yang merangkumi kedua-dua
- fizikal dan kesejahteraan psikologi, kualiti
- dalam perhubungan dalam kalangan ibu
- bapa dan kualiti perhubungan antara ibu
- bapa dan anak (McKeown et al., 2003).

- Menurut Qu et al. (2013), kesejahteraan
- keluarga meliputi empat elemen iaitu
- keselamatan fizikal dan juga mental serta
- kesihatan fizikal, hubungan intrafamilial
- yang menyokong termasuk kemahiran
- penyelesaian konflik, galakan bagi
- pencapaian keluarga, hubungan sosial
- di luar lingkungan keluarga dan jaminan
- ekonomi.



Kesejahteraan keluarga boleh diteliti daripada segi jenis keluarga, proses keluarga, ciri-ciri individu dan keadaan keluarga. Jenis keluarga misalnya boleh diterangkan sama ada seseorang itu tinggal dengan ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali, sama ada ibu bapa berkahwin, ibu tunggal, bapa tunggal atau berpisah. Kesejahteraan keluarga kemudiannya perlu dijelaskan dengan proses keluarga yang mana konflik boleh dikenal pasti, sejarah dalam perhubungan kekeluargaan, sikap terhadap kemahiran keibubapaan, peranan keluarga dan lain-lain. Jenis keluarga dan proses keluarga tidak mencukupi untuk menggambarkan kesejahteraan keluarga tanpa ada komponen ciri-ciri individu seperti personaliti dan ditambah pula dengan keadaan keluarga yang perlu melalui pelbagai peristiwa hidup, pendidikan, kelas sosial, tempoh masa bekerja dan lain-lain.

- Armstrong et al. (2005) menyatakan
- bahawa domain kesejahteraan
- keluarga adalah meliputi dimensi
- struktur organisasi keluarga, hubungan
- interpersonal, status psikologikal ibu
- bapa dan efikasi sendiri ibu bapa.
- Struktur organisasi keluarga merujuk
- kepada keamatan, persetujuan dalam
- aspek penjagaan, luahan perasaan dan
- konflik manakala aspek perhubungan
- interpersonal termasuk hubungan
- kekeluargaan dengan ahli keluarga dan
- rakan-rakan. Efikasi sendiri ibu bapa pula
- merujuk kepada kecekapan ibu bapa
- dalam mengendalikan masalah anak-
- anak. Newland (2015) mencadangkan
- kesihatan fizikal ibu bapa, kesihatan
- mental ibu bapa, mampu diri dan daya
- tahan keluarga adalah dimensi penting
- dalam mengukur tahap kesejahteraan
- keluarga.

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia yang pertama (IKK 2011) pada tahun 2011. Pada ketika itu, IKK 2011 mempunyai 7 domain dan 23 indikator kesejahteraan keluarga. Skor indeks yang telah dicatatkan pada tahun tersebut adalah 7.55 daripada skala maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.25. Ini diikuti oleh skor domain Keluarga dan Komuniti (7.83), Hubungan Kekeluargaan (7.82), Keselamatan Keluarga (7.39), Kesehatan Keluarga (7.38), Keluarga dan Persekitaran (7.28) dan Ekonomi Keluarga (6.90).

Pada tahun 2016, pengukuran tahap kesejahteraan keluarga yang kedua iaitu Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 telah dilaksanakan. IKK 2016 telah mengekalkan ketujuh-tujuh domain yang sedia terdapat dalam IKK 2011 selain mempunyai satu domain tambahan iaitu Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

Domain IKK 2016



Domain Hubungan Kekeluargaan



Domain Ekonomi Keluarga



Domain Kesehatan Keluarga



Domain Keselamatan Keluarga



Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti



Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian



Domain Perumahan dan Persekitaran



Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

Kepentingan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia

Berkenaan dengan indikator yang digunakan, IKK 2016 masih mempunyai bilangan indikator yang sama dengan IKK 2011 iaitu sebanyak 23 indikator meskipun terdapat beberapa indikator sedia ada dalam IKK 2011 yang telah digugurkan daripada instrumen pengukuran IKK 2016.

Selain itu, penetapan umur responden kajian bagi mengukur IKK 2016 juga adalah sedikit berbeza dengan IKK 2011 di mana responden kajian bagi IKK 2016 adalah ibu bapa yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun sementara responden kajian bagi IKK 2011 adalah mereka yang mempunyai anak antara 13 hingga 24 tahun. Memandangkan terdapatnya beberapa perubahan pada indikator dan domain yang digunakan antara IKK 2011 dan IKK 2016 serta penetapan umur responden kajian bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga, perbandingan antara kedua-dua nilai skor (indeks/domain/indikator) tidak dapat dilakukan dan dilaporkan dalam laporan ini. Mengikut OECD (2013), alat uji pengukuran indeks yang konsisten perlu digunakan untuk membolehkan perbandingan indeks dapat dilakukan.

- IKK 2016 mengukur tahap kesejahteraan keluarga melalui penilaian isi rumah iaitu ibu atau bapa terhadap kesejahteraan keluarga mereka. Indeks ini meneliti tahap kesejahteraan dari aspek hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan keterlibatan komuniti, peranan agama dan amalan kerohanian, perumahan dan persekitaran, dan keluarga dan teknologi komunikasi di negara ini. Indeks yang dihasilkan mampu membantu para penggubal dasar dan perancang program berkaitan kekeluargaan untuk mereka bentuk program-program intervensi yang bersesuaian dan bersifat holistik terhadap setiap domain dan indikator kesejahteraan keluarga yang terdapat dalam IKK 2016.

Domain dan Indikator Kesejahteraan Keluarga



Domain Hubungan Kekeluargaan

Indikator Penglibatan Ibu Bapa

Didefinisikan sebagai penyertaan ibu bapa dan anak-anak secara bersama-sama dalam aktiviti harian, disiplin dan mengajar sikap bertanggungjawab serta pujian dan kasih sayang.

Indikator Kualiti Masa Bersama Keluarga

Didefinisikan sebagai masa yang diluahkan oleh ibu bapa dalam melakukan aktiviti yang disukai anak-anak dan aktiviti riadah serta masa yang digunakan anak-anak untuk berkongsi cerita dengan ibu bapa.

Indikator Imbangan Kerja-Keluarga

Didefinisikan sebagai keseimbangan masa dan persepsi positif individu ke atas perhubungan antara kerjaya dan peranan keluarga yang mana perhubungan tersebut dilihat sebagai seimbang dan setara antara satu sama lain.

Indikator Perhubungan Rapat

Didefinisikan sebagai keupayaan individu mengekalkan perhubungan rapat ketika individu ketika berada dalam keadaan krisis.

Indikator Kefungsian Keluarga

Merujuk kepada keseimbangan tahap kohesi dan adaptasi individu dan keluarga untuk mencapai kesejahteraan keluarga.

Indikator Daya Tindak Keluarga

Didefinisikan sebagai keupayaan individu dan keluarga untuk mengendalikan masalah atau tekanan dengan baik.

Indikator Daya Tahan Keluarga

Didefinisikan sebagai keupayaan keluarga untuk berdepan dengan tekanan dan kesukaran serta mengatasi tekanan dan kesukaran tersebut.



Domain Ekonomi Keluarga

- ***Indikator Kesejahteraan Kewangan***

- Didefinisikan sebagai aspirasi kewangan dalam mencapai kesejahteraan kewangan keluarga.

- ***Indikator Pengurusan Kewangan***

- Didefinisikan sebagai keupayaan dan tanggungjawab individu dalam menguruskan kewangan. Ia merujuk kepada sikap dan tingkah laku terhadap perbelanjaan.



Domain Kesehatan Keluarga

- ***Indikator Amalan Kesehatan Keluarga***
- Merujuk kepada gaya hidup yang sihat
- termasuklah aktiviti bersenam, hidangan makanan
- harian yang seimbang, tidak mempunyai tabiat
- merokok, tidak terlibat dalam penyalahgunaan
- bahan dan tiada masalah penyakit kronik dalam
- keluarga.
-
-
- ***Indikator Kesehatan Umum***
- Merujuk kepada tahap kemurungan dan
- kebimbangan yang diukur berdasarkan masalah
- kebimbangan, pemikiran depresif, kefunksian
- sosial, tahap keyakinan dan kemahiran daya tindak.



Domain Keselamatan Keluarga

- ***Indikator Keselamatan Keluarga***
- Didefinisikan sebagai tahap kepekaan dan kesedaran individu terhadap keselamatan keluarga serta yakin selamat berada di persekitaran kediaman.
- ***Indikator Pengetahuan Kecemasan***
- Diukur berdasarkan pengetahuan tentang talian kecemasan, penggunaan alat pemadam api, lokasi pili bomba di kawasan perumahan dan langkah keselamatan ahli keluarga di rumah.



Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

- ***Indikator Kerjasama Dalam Komuniti***
- Merujuk kepada hubungan sosial yang wujud
- daripada keperluan untuk membangunkan jalinan
- keluarga dengan komuniti.
-
- ***Indikator Hubungan Dalam Komuniti***
- Diukur berdasarkan hubungan baik dengan
- jiran tetangga, menziarahi jiran tetangga dan
- menyayangi komuniti.



Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

- ***Indikator Peranan Agama***
- Didefinisikan sebagai kesan peranan agama terhadap individu. Diukur melalui peranannya sebagai asas kesejahteraan keluarga dan kefahaman terhadap kehidupan.
-
-
-
-
-
-
- ***Indikator Amalan Kerohanian***
- Didefinisikan sebagai pemantapan rohani dalam kehidupan. Diukur melalui pelbagai amalan kerohanian mengikut kepercayaan dan pegangan agama.
-



Domain Perumahan dan Persekitaran

Indikator Kawasan Perumahan

Didefinisikan sebagai prasarana yang disediakan untuk kesejahteraan individu dan keluarga.

Indikator Tahap Pencemaran

Merujuk kepada pencemaran bau dan pencemaran bunyi yang melibatkan penyelenggaraan sampah sarap, sistem perparitan dan tahap kebisingan di kawasan perumahan.

Indikator Amalan 3R

Merujuk kepada kesedaran dan pengetahuan terhadap penggunaan plastik, penggunaan semula barangan dan mengitar semula barangan untuk digunakan semula.



Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

- ***Indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi***
- Didefinisikan sebagai kesan penggunaan telefon ke atas interaksi ahli keluarga.
-
-
- ***Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon***
- Merujuk kepada tujuan penggunaan telefon dan pola komunikasi menerusi SMS.
-
-
- ***Indikator Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi***
- Merujuk kepada pemantauan dan penyeliaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi anak-anak seperti SMS, WhatsApp, Wechat dan Telegram.

Metodologi

Pengukuran tahap kesejahteraan keluarga pada tahun 2016 dilakukan melalui pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016.



Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*).



Rangka Pensampelan

Rangka pensampelan bagi kajian ini adalah senarai Blok Penghitungan (BP) yang telah dikemas kini melalui maklumat Tempat Kediaman (TK) semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2010.



Reka Bentuk Pensampelan dan Saiz Sampel

Pensampelan berstrata dua peringkat digunakan dalam kajian (peringkat pertama: kesemua negeri; peringkat kedua: strata bandar dan luar bandar). Pemilihan sampel kemudiannya dilakukan pada peringkat BP dengan menggunakan kaedah *probability proportionate to size*. Seterusnya, sampel TK daripada BP yang terpilih telah dipilih dengan menggunakan kaedah sistematik. Saiz sampel yang telah ditetapkan dalam kajian ini adalah sebanyak 8,254 buah TK.



Responden

Responden kajian ini terdiri daripada ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun. Daripada sejumlah 8,254 buah TK yang telah disasarkan dalam kajian ini, sebanyak 3,878 buah TK telah berjaya ditemu bual yang terdiri daripada 2,008 orang bapa dan 1,870 orang ibu warganegara Malaysia yang mempunyai anak yang berumur antara 3 hingga 24 tahun.



Instrumen

Instrumen kajian initerdiri daripada 93 item yang meliputi 8 domain dan 23 indikator kesejahteraan keluarga.



Kaedah Pengumpulan Data

Dilakukan secara temu bual bersemuka antara penemu bual dan juga responden di tempat kediaman terpilih di seluruh negara.



Limitasi

Saiz sampel yang agak kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Oleh itu, analisis berkaitan skor indeks, domain dan indikator untuk ketiga-tiga kawasan tersebut perlu digabungkan.



Kaedah Pengiraan Indeks

IKK 2016 menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, semakin baik tahap kesejahteraan keluarga.

Formula Pengiraan IKK 2016

$$\text{Skor Indikator} = \frac{M_1 - M_2}{R} \times 10$$

$$\text{Skor Indikator} = \sum \frac{\text{Skor indikator}}{N \text{ indikator}}$$

$$\text{Skor Indikator} = \sum \frac{\text{Skor domain}}{N \text{ domain}}$$

Petunjuk:

M_1 = Min/purata skor

M_2 = Skala minimum

R = Julat (skala maksimum* - skala minimum*)

N = Bilangan

* Nota: Dalam kajian ini, skala maksimum yang ditetapkan ialah 5 manakala skala minimum ialah 1.



Kategori Skor Indikator, Domain dan Indeks

Untuk memudahkan interpretasi tentang tahap kesejahteraan keluarga, IKK 2016 telah menggunakan kategori skor indikator, domain dan indeks seperti berikut:

Skor Indikator/ Domain/ Indeks	Kategori
0 - 4	Rendah
5 - 7	Sederhana
8 - 10	Tinggi


Tahap indeks yang diguna pakai dalam kajian IKK 2016 ini ditentukan melalui pengiraan skor taburan setiap domain. Skor taburan dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan saiz jalur yang sama rata bagi membina tiga kategori skor iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Oleh itu, tahap indeks IKK 2016 yang diperolehi ialah 8-10 adalah tinggi, 5-7 adalah sederhana dan 0-4 adalah rendah.

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Skor Keseluruhan Indeks, Domain dan Indikator

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 yang dicatatkan adalah 7.33 daripada skala maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Daripada lapan domain yang telah dikenal pasti, domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04 diikuti dengan domain Keselamatan Keluarga (7.96), domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), domain Kesihatan Keluarga (7.18), domain Ekonomi Keluarga (7.05), domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan domain Perumahan dan Persekitaran (6.24).

Skor Domain dan IKK 2016



Domain Hubungan Kekeluargaan

Skor keseluruhan untuk domain Hubungan Kekeluargaan adalah 7.90. Kajian menunjukkan indikator Penglibatan Ibu Bapa mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.38 diikuti indikator Daya Tahan Keluarga (8.20), Kefungsian Keluarga (8.11), Daya Tindak Keluarga (7.99), Perhubungan Rapat (7.92), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.76) dan Imbangan Kerja-Keluarga (6.92).

Domain Ekonomi Keluarga

Analisis terhadap domain Ekonomi Keluarga menunjukkan skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.05. Didapati indikator Pengurusan Kewangan mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kesejahteraan Kewangan dengan masing-masing 7.09 dan 7.00.

Domain Kesihatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain Kesihatan Keluarga adalah 7.18. Didapati indikator Kesihatan Umum mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Amalan Kesihatan Keluarga dengan masing-masing 7.22 dan 7.13.

Domain Keselamatan Keluarga

Domain Keselamatan Keluarga mencatat skor keseluruhan sebanyak 7.96. Didapati indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.35 berbanding indikator Pengetahuan Kecemasan 7.57.

Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti adalah 7.84. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (7.98) mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.69).

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

Skor keseluruhan untuk domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian adalah 8.04. Analisis mendapati indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 8.46 dan 7.62.

Domain Perumahan dan Persekitaran


Domain Perumahan dan Persekitaran mencatatkan skor keseluruhan sebanyak 6.24. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 5.32 diikuti indikator Kawasan Perumahan (6.55) dan Tahap Pencemaran (6.85).


Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi


Skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi adalah 6.38. Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon mencatatkan skor yang tertinggi iaitu 7.83 diikuti indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi (5.98) dan Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (5.28).


Skor Indikator Kesejahteraan Keluarga

Domain	Indikator	Nilai Skor
Hubungan Kekeluargaan 	Penglibatan ibu bapa	8.38
	Kualiti masa bersama keluarga	7.76
	Imbangan kerja-keluarga	6.92
	Perhubungan rapat	7.92
	Kefungsian keluarga	8.11
	Daya tindak keluarga	7.99
	Daya tahan keluarga	8.20


Domain	Indikator	Nilai Skor
Ekonomi Keluarga 	Kesejahteraan kewangan	7.00
	Pengurusan kewangan	7.09


Domain	Indikator	Nilai Skor
Kesihatan Keluarga 	Amalan kesihatan keluarga	7.13
	Kesihatan umum	7.22

Domain	Indikator	Nilai Skor
Keselamatan Keluarga 	Keselamatan keluarga	8.35
	Pengetahuan kecemasan	7.57

Domain	Indikator	Nilai Skor
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti 	Kerjasama dalam komuniti	7.69
	Hubungan dalam komuniti	7.98



Domain	Indikator	Nilai Skor
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian 	Peranan agama	8.46
	Amalan kerohanian	7.62

Domain	Indikator	Nilai Skor
Perumahan dan Persekitaran 	Kawasan perumahan	6.55
	Tahap pencemaran	6.85
	Amalan 3R	5.32





Domain	Indikator	Nilai Skor
Keluarga dan Teknologi Komunikasi 	Pengaruh aplikasi komunikasi	5.98
	Penggunaan SMS dan panggilan telefon	7.83
	Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi	5.28

Skor Indeks, Domain dan Indikator Mengikut Ciri-ciri Keluarga





Skor Domain dan IKK 2016 Mengikut Kawasan

Domain		
	Bandar	Luar Bandar
Hubungan Kekeluargaan	7.88	7.94
Ekonomi Keluarga	7.12	6.82
Kesihatan Keluarga	7.22	7.02
Keselamatan Keluarga	8.01	7.80
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.76	8.08
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.01	8.14
Perumahan dan Persekitaran	6.30	6.05
Keluarga dan Teknologi Komunikasi	6.41	6.30
IKK 2016	7.34	7.27

Skor Domain dan IKK 2016 Mengikut Etnik

Domain				
	Melayu	Bumiputera Lain	Cina	India
Hubungan Kekeluargaan	7.93	7.91	7.88	7.68
Ekonomi Keluarga	7.00	6.80	7.36	6.63
Kesihatan Keluarga	7.21	7.17	7.27	6.66
Keselamatan Keluarga	7.93	7.82	8.08	7.94
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.98	7.95	7.53	7.78
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.47	7.76	7.31	8.09
Perumahan dan Persekitaran	6.27	5.82	6.35	6.25
Keluarga dan Teknologi Komunikasi	6.34	6.47	6.50	6.09
IKK 2016	7.40	7.21	7.29	7.15

Skor Domain dan IKK 2016 Mengikut Jenis Keluarga

Domain	 Keluarga Asas	 Keluarga Luas	 Keluarga Tunggal	 Keluarga Gabungan
Hubungan Kekeluargaan	7.92	8.04	7.38	7.04
Ekonomi Keluarga	7.16	6.89	6.64	5.99
Kesihatan Keluarga	7.27	7.05	6.68	6.43
Keselamatan Keluarga	7.99	8.07	7.44	7.41
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.83	7.94	7.66	7.19
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.05	8.02	7.99	7.94
Perumahan dan Persekitaran	6.31	6.13	5.99	6.01
Keluarga dan Teknologi Komunikasi	6.41	6.41	6.01	6.14
IKK 2016	7.37	7.32	6.98	6.76

Nota:


Keluarga Asas kebiasaannya terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak.

Keluarga Luas adalah terdiri daripada keluarga asas dan juga ahli keluarga lain seperti datuk/nenek, cucu dan saudara mara.

Keluarga Tunggal adalah keluarga yang terdiri daripada ibu atau bapa yang telah bercerai atau kematian pasangan yang tinggal bersama anak-anak.

Keluarga Gabungan terdiri daripada ibu, bapa, anak-anak kandung dan anak-anak tiri.

Skor Domain dan IKK 2016 Mengikut Pendapatan Isi Rumah

Domain	 B40	 M40	 T20
	B40	M40	T20
Hubungan Kekeluargaan	7.85	8.00	8.01
Ekonomi Keluarga	6.84	7.77	8.11
Kesihatan Keluarga	7.11	7.43	7.40
Keselamatan Keluarga	7.91	8.08	8.23
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.88	7.56	7.17
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.05	7.90	7.79
Perumahan dan Persekitaran	6.15	6.53	6.47
Keluarga dan Teknologi Komunikasi	6.35	6.59	6.44
IKK 2016	7.27	7.48	7.45

*Nota: B40: < RM3,860; M40: RM3,860 – RM8,319; T20: > RM8,319

Skor Indikator Kesejahteraan Keluarga Mengikut Kawasan



Indikator	Bandar	Luar Bandar
Domain Hubungan Kekeluargaan		
Penglibatan ibu bapa	8.39	8.36
Kualiti masa bersama keluarga	7.75	7.77
Imbangan kerja-keluarga	6.91	6.94
Perhubungan rapat	7.89	8.00
Kefungsian keluarga	8.09	8.17
Daya tindak keluarga	7.94	8.15
Daya tahan keluarga	8.21	8.17
Domain Ekonomi Keluarga		
Kesejahteraan kewangan	7.05	6.83
Pengurusan kewangan	7.18	6.81
Domain Kesihatan Keluarga		
Amalan kesihatan keluarga	7.19	6.96
Kesihatan umum	7.26	7.09
Domain Keselamatan Keluarga		
Keselamatan keluarga	8.39	8.24
Pengetahuan kecemasan	7.64	7.36
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti		
Kerjasama dalam komuniti	7.63	7.91
Hubungan dalam komuniti	7.90	8.24



Bandar



Luar Bandar

Indikator	Bandar	Luar Bandar
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian		
Peranan agama	8.44	8.50
Amalan kerohanian	7.57	7.78
Perumahan dan Persekitaran		
Kawasan perumahan	6.73	5.98
Tahap pencemaran	6.83	6.94
Amalan 3R	5.35	5.22
Keluarga dan Teknologi Komunikasi		
Pengaruh aplikasi komunikasi	5.96	6.05
Penggunaan SMS dan panggilan telefon	7.87	7.69
Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi	5.37	4.99

Skor Indikator Kesejahteraan Keluarga Mengikut Etnik



Melayu

Bumiputera
Lain

Cina



India

Indikator	Melayu	Bumiputera Lain	Cina	India
Domain Hubungan Kekeluargaan				
Penglibatan ibu bapa	8.48	8.38	8.20	8.35
Kualiti masa bersama keluarga	7.78	7.84	7.80	7.32
Imbangan kerja-keluarga	6.99	6.93	6.90	6.49
Perhubungan rapat	7.97	7.78	7.90	7.81
Kefungsian keluarga	8.11	7.99	8.20	7.97
Daya tindak keluarga	7.99	8.21	7.97	7.75
Daya tahan keluarga	8.20	8.23	8.23	8.08
Domain Ekonomi Keluarga				
Kesejahteraan kewangan	6.96	6.91	7.30	6.38
Pengurusan kewangan	7.04	6.69	7.42	6.87
Domain Kesihatan Keluarga				
Amalan kesihatan keluarga	7.12	7.06	7.32	6.67
Kesihatan umum	7.30	7.28	7.22	6.65
Domain Keselamatan Keluarga				
Keselamatan keluarga	8.31	8.36	8.49	8.20
Pengetahuan kecemasan	7.56	7.28	7.67	7.69
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti				
Kerjasama dalam komuniti	7.82	7.79	7.40	7.70
Hubungan dalam komuniti	8.14	8.11	7.67	7.87



Melayu

Bumiputera
Lain

Cina



India

Indikator

Indikator	Melayu	Bumiputera Lain	Cina	India
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian				
Peranan agama	8.67	8.35	8.12	8.37
Amalan kerohanian	8.27	7.16	6.51	7.81
Perumahan dan Persekitaran				
Kawasan perumahan	6.69	5.97	6.49	6.66
Tahap pencemaran	6.85	6.44	7.09	6.61
Amalan 3R	5.27	5.05	5.47	5.47
Keluarga dan Teknologi Komunikasi				
Pengaruh aplikasi komunikasi	5.90	6.16	6.18	5.61
Penggunaan SMS dan panggilan telefon	7.87	7.64	7.92	7.52
Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi	5.23	5.32	5.40	5.14

Skor Indikator Kesejahteraan Keluarga Mengikut Jenis Keluarga

Keluarga
AsasKeluarga
LuasKeluarga
TunggalKeluarga
Gabungan

Indikator	Keluarga Asas	Keluarga Luas	Keluarga Tunggal	Keluarga Gabungan
Domain Hubungan Kekeluargaan				
Penglibatan ibu bapa	8.39	8.53	7.95	7.96
Kualiti masa bersama keluarga	7.83	7.79	7.00	6.83
Imbangan kerja-keluarga	6.92	7.00	6.73	6.44
Perhubungan rapat	7.93	8.08	7.37	7.09
Kefungsian keluarga	8.16	8.23	7.51	6.75
Daya tindak keluarga	7.98	8.24	7.41	6.95
Daya tahan keluarga	8.21	8.38	7.67	7.26
Domain Ekonomi Keluarga				
Kesejahteraan kewangan	7.12	6.82	6.53	5.94
Pengurusan kewangan	7.19	6.95	6.75	6.04
Domain Kesihatan Keluarga				
Amalan kesihatan keluarga	7.32	6.81	6.37	6.41
Kesihatan umum	7.23	7.28	6.99	6.45
Domain Keselamatan Keluarga				
Keselamatan keluarga	8.34	8.49	8.10	7.72
Pengetahuan kecemasan	7.63	7.65	6.79	7.09



Keluarga
Asas



Keluarga
Luas



Keluarga
Tunggal



Keluarga
Gabungan

Indikator	Keluarga Asas	Keluarga Luas	Keluarga Tunggal	Keluarga Gabungan
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti				
Kerjasama dalam komuniti	7.73	7.73	7.35	7.03
Hubungan dalam komuniti	7.94	8.14	7.96	7.35
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian				
Peranan agama	8.46	8.51	8.33	7.91
Amalan kerohanian	7.65	7.53	7.65	7.96
Perumahan dan Persekitaran				
Kawasan perumahan	6.67	6.24	6.36	6.45
Tahap pencemaran	6.86	6.91	6.63	6.80
Amalan 3R	5.40	5.25	4.99	4.80
Keluarga dan Teknologi Komunikasi				
Pengaruh aplikasi komunikasi	5.95	6.10	5.88	5.74
Penggunaan SMS dan panggilan telefon	7.84	7.91	7.42	7.55
Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi	5.39	5.15	4.69	4.92

Skor Indikator Kesejahteraan Keluarga Mengikut Pendapatan Isi Rumah

Indikator	 B40	 M40	 T20
	B40	M40	T20
Domain Hubungan Kekeluargaan			
Penglibatan ibu bapa	8.32	8.48	8.74
Kualiti masa bersama keluarga	7.70	7.91	7.83
Imbangan kerja-keluarga	6.90	7.01	6.81
Perhubungan rapat	7.87	8.00	7.99
Kefungsian keluarga	8.06	8.22	8.22
Daya tindak keluarga	7.94	8.07	8.15
Daya tahan keluarga	8.17	8.30	8.31
Domain Ekonomi Keluarga			
Kesejahteraan kewangan	6.80	7.69	8.00
Pengurusan kewangan	6.88	7.85	8.22
Domain Kesihatan Keluarga			
Amalan kesihatan keluarga	7.06	7.47	7.27
Kesihatan umum	7.17	7.39	7.53
Domain Keselamatan Keluarga			
Keselamatan keluarga	8.33	8.37	8.66
Pengetahuan kecemasan	7.50	7.79	7.82
Keluarga dan Keterlibatan Komuniti			
Kerjasama dalam komuniti	7.71	7.56	7.05
Hubungan dalam komuniti	8.06	7.56	7.29


B40

M40

T20

Indikator	B40	M40	T20
Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian			
Peranan agama	8.47	8.35	8.35
Amalan kerohanian	7.63	7.46	7.23
Perumahan dan Persekitaran			
Kawasan perumahan	6.50	6.78	6.51
Tahap pencemaran	6.73	7.29	7.23
Amalan 3R	5.21	5.52	5.67
Keluarga dan Teknologi Komunikasi			
Pengaruh aplikasi komunikasi	5.98	6.04	6.07
Penggunaan SMS dan panggilan telefon	7.81	7.98	7.75
Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi	5.18	5.76	5.48

Skor IKK 2016 Mengikut Negeri



Johor



8.07

Domain Hubungan Kekeluargaan

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.07. Kajian menunjukkan indikator Penglibatan Ibu Bapa mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.41 diikuti indikator Daya Tahan Keluarga (8.36), Kefungsian Keluarga (8.34), Daya Tindak Keluarga (8.16), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.00), Perhubungan Rapat (8.00), dan Imbangan Kerja-Keluarga (7.19).



7.62

Domain Ekonomi Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.62. Didapati indikator Pengurusan Kewangan mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesejahteraan Kewangan dengan masing-masing 7.71 dan 7.53.



7.35

Domain Kesihatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.35. Didapati indikator Amalan Kesihatan Keluarga mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesihatan Umum dengan masing-masing 7.57 dan 7.13.



8.33

Domain Keselamatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 8.33. Didapati indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.70 berbanding indikator Pengetahuan Kecemasan 7.96.



8.01

Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti adalah 8.01. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.05) mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.97).



8.33

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.33. Analisis mendapati indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 8.56 dan 8.10.



6.81

Domain Perumahan dan Persekitaran

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 6.81. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 5.98 diikuti indikator Kawasan Perumahan (6.97) dan Tahap Pencemaran (7.48).



6.32

Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

Skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi adalah 6.32. Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon mencatatkan skor yang tertinggi iaitu 7.92 diikuti indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi (5.60) dan Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (5.43).



7.61

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi Negeri Johor adalah 7.61 pada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.

Kedah



7.97

Domain Hubungan Kekeluargaan

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.97. Kajian menunjukkan indikator Penglibatan Ibu Bapa mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.38 diikuti indikator Daya Tahan Keluarga (8.23), Kefungsian Keluarga (8.21), Daya Tindak Keluarga (8.08), Perhubungan Rapat (8.02), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.66) dan Imbangan Kerja-Keluarga (7.18).



6.53

Domain Ekonomi Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 6.53. Didapati indikator Pengurusan Kewangan mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesejahteraan Kewangan dengan masing-masing 6.54 dan 6.53.



7.45

Domain Kesihatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.45. Didapati indikator Kesihatan Umum mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Amalan Kesihatan Keluarga dengan masing-masing 7.65 dan 7.24.



7.97

Domain Keselamatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 7.97. Didapati indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.23 berbanding indikator Pengetahuan Kecemasan 7.72.



8.00

Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti adalah 8.00. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.19) mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.81).



8.36

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.36. Analisis mendapati indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 8.84 dan 7.88.



5.76

Domain Perumahan dan Persekitaran

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 5.76. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 4.42 diikuti indikator Tahap Pencemaran (6.35) dan Kawasan Perumahan (6.51).



6.47

Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

Skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi adalah 6.47. Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon mencatatkan skor yang tertinggi iaitu 7.96 diikuti indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi (6.32) dan Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (5.14).



7.32

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi Negeri Kedah adalah 7.32 pada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.

Kelantan



7.91

Domain Hubungan Kekeluargaan

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.91. Kajian menunjukkan indikator Penglibatan Ibu Bapa mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.35 diikuti indikator Daya Tindak Keluarga (8.14), Perhubungan Rapat (8.12), Daya Tahan Keluarga (8.09), Kefungsian Keluarga (7.85), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.62) dan Imbangan Kerja-Keluarga (7.18).



6.76

Domain Ekonomi Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 6.76. Didapati indikator Pengurusan Kewangan mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesejahteraan Kewangan dengan masing-masing 6.83 dan 6.69.



6.90

Domain Kesihatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 6.90. Didapati indikator Kesihatan Umum mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Amalan Kesihatan Keluarga dengan masing-masing 6.93 dan 6.87.



7.86

Domain Keselamatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 7.86. Didapati indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.13 berbanding indikator Pengetahuan Kecemasan 7.59.



8.17

Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti adalah 8.17. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.40) mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.94).



8.63

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.63. Analisis mendapati indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 8.68 dan 8.58.



6.26

Domain Perumahan dan Persekitaran

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 6.26. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 5.64 diikuti indikator Kawasan Perumahan (6.35) dan Tahap Pencemaran (6.79).



6.04

Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

Skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi adalah 6.04. Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon mencatatkan skor yang tertinggi iaitu 7.60 diikuti indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi (5.88) dan Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (4.64).



7.32

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi Negeri Kelantan adalah 7.32 pada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.

Melaka



8.34

Domain Hubungan Kekeluargaan

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.34. Kajian menunjukkan indikator Daya Tahan Keluarga mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.98 diikuti indikator Kefungsian Keluarga (8.92), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.84), Penglibatan Ibu Bapa (8.45) Daya Tindak Keluarga (8.45), Perhubungan Rapat (7.85), dan Imbangan Kerja-Keluarga (6.90).



8.39

Domain Ekonomi Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.39. Didapati indikator Pengurusan Kewangan mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesejahteraan Kewangan dengan masing-masing 8.55 dan 8.24.



8.15

Domain Kesihatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.15. Didapati indikator Amalan Kesihatan Keluarga mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada indikator Kesihatan Umum dengan masing-masing 8.40 dan 7.89.



8.87

Domain Keselamatan Keluarga

Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 8.87. Didapati indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.11 berbanding indikator Pengetahuan Kecemasan 8.63.



8.82

Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti adalah 8.82. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.92) mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.72).



8.78

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 8.78. Analisis mendapati indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 9.04 dan 8.53.



7.45

Domain Perumahan dan Persekitaran

Skor keseluruhan untuk domain ini adalah 7.45. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 6.25 diikuti indikator Kawasan Perumahan (7.81) dan Tahap Pencemaran (8.28).



7.41

Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

Skor keseluruhan untuk domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi adalah 7.41. Indikator Penggunaan SMS dan Panggilan Telefon mencatatkan skor yang tertinggi iaitu 8.97 diikuti indikator Kawalan Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (6.88) dan Pengaruh Aplikasi Komunikasi (6.39).



8.28

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi Negeri Melaka adalah 8.28 pada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

Negeri Sembilan



7.10

Domain Hubungan Kekeluargaan

